



PROGRAM 1

Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2017, Peringkat Negeri Melaka

Pengenalan

Hari Alam Sekitar merupakan elemen transformasi dalam sambutan bagi meningkatkan rasa kecintaan kepada alam sekitar dan dijadikan agenda nasional yang selari dengan matlamat negara iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Lestari (*Sustainable Nation*).

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Melaka pada 21 Oktober 2017 (Sabtu) bermula jam 7.00 pagi hingga 1.00 petang, di Dewan Serbaguna Kompleks Penjara Sungai Udang, Melaka dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Majlis telah dirasmikan oleh YB.Datuk Wira Ar. Haji Ismail Bin Haji Othman (Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar)

Tema Hari Alam Sekitar Negara bagi tahun 2017 adalah "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama"

Objektif

1. Memupuk persefahaman dan kesedaran kepada orang awam tentang memelihara dan memulihara alam sekitar dalam menjamin kelestarian alam;

2. Menggalakkan penyertaan masyarakat Negeri Melaka dalam menyokong Jabatan Alam Sekitar dan Kerajaan Negeri Melaka dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar.

Antara pengisian aktiviti yang dijalankan Sempena Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara, Peringkat Negeri Melaka 2017 ialah:

- 1) Envirohunt
- 2) Senamrobik
- 3) Penanaman Pokok
- 4) Persembahan Bicara Berirama
- 5) Ikrar Alam Sekitar
- 6) Program Pemantapan Rakan Alam Sekitar (RAS)
- 7) Kuiz Alam Sekitar
- 8) Penyampaian Nota Kerjasama kepada 13 Agensi Rakan Strategik
- 9) Pertandingan Mewarna Murid Pendidikan Khas dan Tadika
- 10) Pameran Alam Sekitar
- 11) Cabutan Bertuah.

Gambar-gambar sepanjang program diadakan:

1) Senamrobik



2) Envirohunt



3) Penanaman Pokok



4) Pertandingan Mewarna Kanak-kanak Tadika dan Murid Pendidikan Khas



5)Pameran,Kuiz Alam Sekitar dan Program Pemantapan Rakan Alam Sekitar



6) Bicara Berirama oleh Pelajar SK Bukit Beruang



7) Ikrar Alam Sekitar



8) Perasmian oleh YB.Datuk Wira Ar. Haji Ismail Bin Haji Othman (Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar) dan Penyerahan Dokumen MOU kepada 13 Rakan Strategik JAS Melaka 2017

